

# Sambung ijazah di Politeknik Premier

**JOHOR BAHRU** - Graduan politeknik kini boleh meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di tiga institusi yang dinaik taraf sebagai politeknik premier.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata, empat program ditawarkan di tiga institut terpilih, iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Ibrahim Sultan, Johor dan Politeknik Ungku Omar, Perak.

Menurutnya, program itu ialah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti, Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan yang akan memulakan pengambilan bulan hadapan.

Jelasnya, tiga daripada program itu dilaksanakan sendiri sepenuhnya politeknik terlibat manakala satu lagi iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dibuat secara berkolaborasi dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Dua program, iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dijalankan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor.

"Ijazah Sarjana Muda Sains dilaksanakan di Politeknik Ibrahim Sultan dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam di Politeknik Ungku Omar," katanya pada majlis pelancaran program Ijazah Sarjana Muda Sains di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, semalam.



Mohlis (empat, kanan) pada majlis pelancaran program Ijazah Sarjana Muda Sains di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang.